**TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)**
**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK**
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**
Aras 9, Heritage Office Tower, Jalan SB Dagang,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8939 4000 / 4049 Faks: 03-8939 4055
Laman Web: http://politeknik.gov.my

POLITEKNIK
Jabatan Pengajian Politeknik

Ruj. Kami : KPT. JPP (O). 602(S) - 2/3 ( 44 )
Tarikh : 20 Mac 2013

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
TERIMA
02 APR 2013
(PEJABAT PENGARAH)

**Pengarah-Pengarah Politeknik,**
**Kementerian Pengajian Tinggi**

Y. Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**BAYARAN TERHADAP PERMOHONAN RAYUAN KE ATAS KEPUTUSAN PENILAIAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik, KPT Bil. 1/2013 bertempat di Bayview Hotel, Langkawi telah bersetuju bayaran dikenakan ke atas setiap permohonan rayuan berkuatkuasa mulai **28 Februari 2013** adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis Permohonan | Kadar Bayaran(RM) |
|---|---|---|
| 1. | **Rayuan ke atas Keputusan Penilaian** | **50.00** |
| 2. | **Penyemakan semula Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir** | **25.00** |

3. Untuk makluman Y. Bhg Dato'/Tuan/Puan, bayaran yang dikenakan adalah bertujuan untuk mendidik pelajar agar peka dengan peraturan-peraturan peperiksaan yang sedia ada. Di samping itu, rayuan hanya boleh dipohon oleh pelajar yang mempunyai **asas kukuh** sahaja dengan merujuk kepada Buku Arahan-arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian.

Hebahan warga
PTM upload dlm web POLISAS
Paj Pep Hebahan pelajar

HAJAH SITTI JARIAH BINTI IBRAHIM
Pengarah
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Kuantan
2/4

4. Sehubungan dengan itu, perhatian pihak Y. Bhg Dato'/Tuan/Puan dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara berikut. Bayaran yang diterima daripada pelajar-pelajar tersebut perlu dimasukkan ke dalam akaun Hasil Kerajaan politeknik masing-masing.

Kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATUK HAJI MOHLIS BIN JAAFAR)**
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Pengajian Politeknik